

10 JUL 2000

Mahathir-Haram

K'JAAN KAJI AL-MA'UNAH SEBELUM TINDAKAN PENGHARAMAN DIAMBIL

PUTRAJAYA, 10 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan perlu mengkaji segala aspek pertubuhan seni bela diri Al-Ma'unah yang terlibat dalam peristiwa rompakan senjata dan penahanan tebusan di Gerik sebelum membuat keputusan sama ada untuk mengharamkannya atau tidak.

Perdana Menteri berkata kerajaan juga perlu meneliti pertubuhan lain yang mengamalkan ilmu kebatinan terutamanya yang cuba menggunakan pengaruh mereka untuk melakukan jenayah.

"Kita perlu mengkaji perkara ini supaya mereka yang tersesat ajaran ini ditangani sewajarnya," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno di Kompleks Seri Perdana di sini malam ini.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno mengulas desakan pelbagai pihak supaya kerajaan mengharamkan kumpulan Al-Ma'unah kerana tindakannya yang boleh memudaratkan keselamatan negara.

Beliau juga berkata kerajaan mungkin menyediakan kertas putih mengenai peristiwa rompakan senjata itu yang berakhir Khamis lepas apabila 27 anggota kumpulan itu termasuk ketuanya Amin Mohamad Razali menyerah diri kepada pihak berkuasa selepas dikepung empat hari di Bukit Jenalek di Sauk, Perak.

Dua orang yang dijadikan tebusan oleh kumpulan itu turut dibunuh.

Menurutnya walaupun ramai di kalangan rakyat Malaysia menggunakan ilmu kebatinan untuk perkara yang tidak memudaratkan, ada pula yang cuba menggunakannya untuk tujuan jenayah.

Dr Mahathir berkata Umno berpendapat peristiwa itu berlaku kerana dakyah membenci kerajaan telah berkembang.

"Umno bersyukur peristiwa ini dapat ditangani dengan berkesan walaupun kita sedih dua anggota keselamatan diseksa dan dibunuh. Ia mungkin jadi lebih besar jika tidak ditangani oleh askar dan polis dengan cara yang bijak," katanya.

Dr Mahathir berkata apa yang dilakukan oleh kumpulan itu bukanlah perjuangan untuk menjayakan umat Islam tetapi sesuatu yang memburukkan imej agama Islam.

"Perjuangan Umno ialah untuk menentukan orang Islam akan menguasai segala ilmu, kecekapan dan nilai-nilai hidup yang baik yang akan menjadikan mereka ummah yang mampu bersaing dengan bangsa lain di dunia dalam apa bidang sekalipun," katanya.

Dr Mahathir berkata sudah sampai masanya umat Islam di Malaysia menolak segala amalan bertentangan dengan ajaran agama seperti mempercayai dengan kekebalan seseorang atau kuasa menyembuhkan penyakit dengan air jampi.

Katanya Nabi Muhammad S.A.W sendiri tidak kebal kerana pernah tercedera dalam satu peperangan menentang puak jahiliah.

Menjawab satu pertanyaan, Dr Mahathir berkata walaupun kumpulan Al-Argam dulu didapati menyeleweng daripada ajaran Islam dan kemudiannya diharamkan, ia tidaklah cenderung ke arah keganasan seperti Al-Ma'unah yang ternyata membenci kerajaan.

Beliau berkata mereka yang terlibat itu merupakan antara golongan orang yang tidak waras fikirannya yang terdapat di negara ini.

"Dalam masyarakat 22 juta rakyat Malaysia, terdapat agak banyak orang yang gila, sesetengah daripada mereka nampak amat waras," kata Dr Mahathir.

Mengenai sama ada pembunuhan dua tebusan bukan Islam itu akan membawa kesan buruk kepada kestabilan negara, beliau berkata apa yang pastinya ialah bahawa Umno dan kerajaan tidak akan bertolak ansur dengan tindakan

seumpama itu.

"Umno dan kerajaan ini tidak menyokong sebarang diskriminasi dan tindakan yang diambil terhadap mana-mana orang hanya kerana disebabkan perbezaan agama," katanya.

Dr Mahathir berkata hasrat kumpulan itu untuk menjatuhkan kerajaan disusuli dengan tindakan bodoh anggotanya.

"Dia nak jatuhkan kerajaan tapi dia ambil tindakan secara bodoh. Apa dia boleh buat dengan duduk di Sauk itu, apa-apa persiapan pun tak ada, tak ada training dan sebahagiannya tak pernah tembak senapang pun...masih gunakan parang," katanya.

Beliau mengakui bahawa kerajaan tersilap dalam dua perkara berhubung peristiwa rompakan senjata itu, pertamanya menganggap Al-Mau'nah sebagai sebuah kumpulan seni silat biasa.

Kesilapan kedua, menurut Dr Mahathir, ialah arahan yang diberikan kepada pengawal tempat menyimpan senjata "tidak begitu kemas" sehingga membolehkan kumpulan yang menyamar sebagai pegawai tinggi tentera memasuki kawasan berkenaan.

Beliau turut berkata semua bahagian Umno dikehendaki mengadakan majlis kesyukuran memandangkan kejadian itu berakhir dengan baik setelah dapat ditangani dengan berkesan oleh pasukan tentera dan polis.

Umno turut mengucapkan takziah kepada keluarga dua tebusan yang dibunuh dengan kejam iaitu anggota komando Mathew a/k Medan dan detektif Cawangan Khas R. Sagadevan.

-- BERNAMA

MAM RHM